

## BAB LIMA

### PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai kesimpulan dan perbincangan kepada penemuan yang berdasarkan kepada soalan penyelidikan yang telah dibina dan seterusnya telah dikembangkan menjadi soal selidik.

Berdasarkan kepada penemuan, bab ini juga akan menyenaraikan cadangan-cadangan yang membina kepada semua pihak yang mempunyai perkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan pelajar API. Cadangan-cadangan yang diberikan diharap dapat menjadi penyumbang kepada kajian yang mendalam terhadap bidang-bidang yang berkaitan. Selain itu, ini memungkinkan berlakunya perubahan atau pertambahan inisiatif dan idea terhadap pengwujudan kajian-kajian yang akan datang kelak.

Sebagai makluman, kajian ini telah dibahagikan kepada 5 bab. Bab 1 merupakan pengenalan kepada kajian termasuk sejarah Internet, latar belakang kajian, pernyataan permasalahan, kepentingan, objektif, soalan penyelidikan dan batasan kajian.

Bab 2 meliputi ulasan penyelidikan yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan, menyentuh mengenai kajian-kajian lampau yang dijadikan panduan bagi kesinambungan atau membezakan terhadap kajian yang dijalankan.

Bab 3 membincarkan mengenai kaedah kajian yang digunakan meliputi kaedah kajian, huraian sampel, instrumen, penyediaan serta pengedaran soal selidik dan pengumpulan data sehingga bagaimana data tersebut dianalisa.

Bab 4 pula membincangkan mengenai analisa data yang diperolehi dari pelajar berdasarkan soal selidik. Hasilnya akan dipersembahkan dalam bentuk gambarajah atau jadual.

Bab yang terakhir iaitu bab 5 membincarkan mengenai ringkasan penemuan, cadangan yang dapat membantu mempertingkatkan tahap penggunaan Internet dalam pembelajaran dan kesimpulan.

## 5.2 PERBINCANGAN PERSOALAN KAJIAN

Soalan penyelidikan telah dibentuk untuk mencapai objektif kajian. Soalan tersebut kemudiannya telah disampaikan dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada pelajar API, kemudian dikumpul dan dianalisa data tersebut bagi menghasilkan penemuan-penemuan yang berkaitan dengan tajuk pengkajian. Kesimpulan dan perbincangan mengenai penemuan akan dipersembahkan berdasarkan soalan penyelidikan yang merangkumi persepsi, corak penggunaan, sumbangan dan masalah penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Berdasarkan penganalisaan data yang telah dijalankan, dapatkan kajian yang dapat disimpulkan daripada kajian ini merangkumi bahagian-bahagian yang terkandung di dalam persoalan kajian iaitu yang berkaitan dengan persepsi, corak penggunaan, sumbangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar API. Perbincangan ini merangkumi perkara-perkara tersebut iaitu:

### **5.2.1 Profil Responden**

Secara amnya, kajian ini merangkumi keseluruhan status pelajar iaitu pelajar ijazah dasar yang merangkumi pelajar tahun satu hingga empat, sarjana dan PhD. Daripada pengamatan yang dijalankan daripada penganalisaan data, pelajar sarjana dan PhD tidak mempunyai masalah dalam pengaksesan dan penggunaan Internet dan kemahiran yang dimiliki juga adalah baik, berbanding dengan pelajar-pelajar ijazah dasar khususnya pelajar-pelajar tahun satu yang masih baru mengenali dan agak kurang mahir dari aspek kemahiran terhadap penggunaan Internet.

Responden daripada kajian ini merangkumi empat bahagian utama di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya iaitu Bahagian Syariah (47.0%), Bahagian Usuluddin (23.0%), Bahagian Pendidikan Islam (17.0%) dan Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam mencatatkan sebanyak 13.0%. Responden yang mencatatkan peratusan bahagian yang paling tinggi ialah daripada Bahagian Syariah iaitu 47.0%.

Daripada 100 orang responden yang menjawab soal selidik ini, 57.0% daripadanya adalah perempuan dan diikuti oleh pelajar lelaki iaitu 43.0%. Secara keseluruhannya umur responden yang terlibat adalah pada tahap 25 tahun ke bawah yang mencatatkan 92.0% daripada keseluruhan responden yang terlibat.

### **5.2.2 Persepsi terhadap Internet**

Daripada kajian ini, 100.0% responden mengakui bahawa mereka tahu mengenai Internet. Ini menunjukkan persepsi yang positif iaitu pengetahuan terhadap Internet telah menguasai pemikiran pelajar-pelajar API, Universiti Malaya. Secara tidak langsung, mereka sebenarnya bukanlah merupakan golongan pelajar yang terpencil dan terpinggir daripada mengikuti arus perkembangan teknologi terkini.

Persepsi pelajar-pelajar API secara keseluruhannya adalah positif kerana sebahagian besar daripada responden bersetuju bahawa Internet merupakan sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat. Ini mencatatkan peratusan yang menggalakkan iaitu 99.0%. Selain itu, persepsi responden terhadap Internet ialah 95.0% bagi penyampaian isu-isu semasa, 92.0% bagi penyebaran maklumat tentang bahan terkini, Internet sebagai agen perhubungan antara pelajar dan pengajar mencatatkan 62.0%, agen peningkatan kepuasan terhadap proses pencarian maklumat adalah 80.0%. 77.0% mengatakan bahawa Internet menyediakan bahan yang menarik dan sesuai dan 92.0% mengakui Internet merupakan medium yang menambahkan pengetahuan responden.

Selain itu, persepsi bahawa Internet adalah sumber maklumat yang merosakkan fikiran mencatatkan persepsi yang seimbang iaitu 50.0%. Responden yang berpendapat bahawa Internet membawa nilai yang negatif pula mencatatkan peratusan sebanyak 52.0%. Rumusannya, persepsi responden mengenai Internet adalah bersifat positif secara amnya, iaitu Internet banyak membawa kebaikan daripada keburukan khususnya dalam proses pembelajaran.

### **5.2.3 Corak penggunaan Internet**

Corak penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar API adalah dalam bentuk *leased line*, iaitu dengan catatan sebanyak 81% berbanding cara *dial-up* (19%). Ini menunjukkan pelajar-pelajar API memilih menggunakan cara yang paling baik, pantas dan efisyen. Corak penggunaan ini juga berkaitan dengan lokasi penggunaan mereka iaitu di makmal komputer di fakulti yang mencatatkan 63.0%. *Leased line* dipilih mungkin disebabkan ia telah diselenggarakan oleh pihak makmal fakulti dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kepada pelajar-pelajarnya. ISP yang sering digunakan oleh

pelajar ialah TM Net berbanding Jaring. Secara amnya, kekerapan pelajar menggunakan Internet bagi tujuan pembelajaran dalam tempoh sebulan adalah dari 14 hari tetapi kurang dari 30 hari (31.0%). Terdapat juga pelajar yang menggunakan setiap hari (11.0%) dan 9.0% responden yang lain pula adalah kurang dari 2 hari sebulan penggunaannya. Tempoh masa yang diluangkan oleh pelajar-pelajar API setiap kali penggunaan Internet secara umumnya adalah dua jam tetapi kurang dari tiga jam (36.0%), manakala terdapat 1% responden yang menggunakan kurang dari 30 minit.

Di samping itu, corak penggunaan terhadap aplikasi asas juga adalah memberansangkan iaitu WWW (87.0%), mel elektronik (83.0%), enjin pencarian IRC/Chat (75.0%) dan Telnet sebanyak 59.0%. Namun, terdapat juga pelajar yang mengetahui aplikasi yang lain iaitu pengetahuan mengenai database. Walau bagaimanapun, peratusan yang agak kurang daripada pengetahuan terhadap aplikasi asas Internet adalah daripada aplikasi asas *Newsgroup/discussion list* iaitu 43.0%, ini mungkin berpunca daripada kurangnya penggunaan terhadap aplikasi tersebut berbanding aplikasi-aplikasi asas yang lain.

Selain itu, kajian ini juga menghasilkan dapatan yang menunjukkan masih terdapat di kalangan pelajar-pelajar API yang tidak tahu langsung untuk mengakses dengan peratusan sebanyak 7.0%. Terdapat juga pelajar yang tidak tahu langsung mengenai mel elektronik sebanyak 5.0%, IRC/Chat (3.0%)enjin pencarian (2.0) dan aplikasi Telnet sebanyak 12.0%. Berdasarkan dapatan kajian, ia menunjukkan masih terdapat pelajar-pelajar API yang masih terpinggir dan tiada pengetahuan langsung mengenai aplikasi asas Internet yang telah dibincangkan. Keadaan ini perlu diberi perhatian serius dan mencari inisiatif yang berkesan untuk memastikan golongan pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi amnya, dan kepada pelajar-pelajar API

khasnya, mendapat bimbingan dan intensif yang bermanfaat untuk digunakan oleh mereka dalam mengharungi kehidupan tanpa sempadan ini.

#### **5.2.4 Sumbangan Internet**

Kajian ini mendapati bahawa Internet memberi sumbangan yang baik, khususnya dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan proses pembelajaran. Di antara sumbangan Internet yang dikenal pasti kepada pelajar-pelajar API ialah mencari rujukan (98.0%), sumbangan terhadap kesedaran semasa dan isu-isu terkini (95.0%), memperolehi bahan pembelajaran (94.0%), 90.0% adalah sumbangan Internet dalam pencarian maklumat bagi assignment dan membantu dalam menjawab soalan iaitu 59.0%. Selain itu, sumbangan Internet yang menarik pelajar-pelajar API untuk menggunakan disebabkan ia memberikan maklumat yang terkini dan global (99.0%), membantu dalam tugas (96.0%), ia meningkatkan pengetahuan (95.0%), menjimatkan masa (86.0%), menambahkan perhubungan (83.0%), maklumatnya adalah berkualiti (60%) dan menjimatkan wang (59.0%). Berdasarkan penganalisaan data, didapati secara umumnya pelajar-pelajar API bersetuju bahawa Internet memberikan sumbangan yang besar terhadap proses pembelajaran di samping membantu mereka dalam tugas-tugas yang berkaitan.

#### **5.2.5 Masalah Pengaksesan Dan Penggunaan Internet**

Kajian ini mendapati bahawa masalah dalam pengaksesan dan penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar API Universiti Malaya disebabkan pelbagai faktor. Di antara masalah-masalah tersebut, masalah yang paling utama di kalangan pelajar-pelajar API disebabkan masalah bahan terlalu banyak dan global (71.0%), masalah bahasa

(54.0%), bahan tidak sesuai (51.0%), bahan tidak mencukupi (51.0%) dan masalah sukar untuk mengakses bahan (49.0%). Masalah tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi adalah pula dicatatkan sebanyak 49.0%. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa pelajar-pelajar API UM kurang menghadapi masalah disebabkan faktor keadaan yang tidak selesa. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar-pelajar API yang mempunyai masalah tidak tahu langsung untuk mengakses bahan di Internet. Ini mewakili 7% daripada keseluruhan responden yang menjawab soal selidik.

Kesimpulannya, masih terdapat pelajar-pelajar API UM yang tidak tahu langsung untuk mengakses bahan-bahan yang terdapat di Internet. Oleh yang demikian, sewajarnya pihak fakulti atau jabatan memberikan pengamatan yang berkesan terhadap permasalahan ini serta menyediakan inisiatif tertentu bagi menjadikan masalah ini adalah terbendung dengan mengendalikan kursus atau seminar dan kelas intensif kepada pelajar-pelajar yang kurang kemahiran teknologi maklumat serta kepada mereka-mereka yang berminat untuk menyertainya.

### **5.3 CADANGAN**

Untuk mencapai matlamat dan objektif terhadap penggunaan Internet dalam proses pembelajaran, beberapa strategi telah dikenal pasti supaya pihak fakulti dan pihak-pihak yang berkaitan boleh mengambil inisiatif atau susulan yang sewajarnya terhadap cadangan yang diberikan. Cadangan-cadangan yang dikenal pasti relevan ialah :

#### **5.3.1 Perubahan Sikap Pelajar**

Pelajar-pelajar hendaklah menyesuaikan diri dalam arus perkembangan maklumat yang semakin maju. Pelajar-pelajar juga disarankan agar mengubah sikap ke arah yang

lebih positif, kreatif dan berdaya saing. Selain itu pelajar-pelajar sewajarnya mengambil peluang daripada kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak fakulti bagi melahirkan golongan terpelajar yang bijak merebut peluang, bervisi global serta permuafakatan teknologi multimedia interaktif secara bestari.

### **5.3.2 Aktiviti Berkaitan**

Pihak universiti secara amnya, dan pihak fakulti khasnya, perlu memperbanyakkan bengkel dan seminar tentang kemahiran Internet dan bidang-bidang yang berkaitan dengan teknologi maklumat kepada pelajar-pelajar mereka.

### **5.3.3 Peningkatan Kemudahan Makmal Komputer**

Dari aspek kemudahan makmal komputer, terdapat banyak cadangan dan idea yang diperolehi daripada responden supaya pihak API perlu mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan yang secukupnya dengan menambah sebuah makmal komputer yang lain atau meningkatkan bilangan komputer yang sedia ada memandangkan permintaan terhadap kemudahan tersebut semakin bertambah daripada pelajar-pelajar API. Ini kerana, jumlah komputer yang sedia ada di makmal API adalah sebanyak 85 buah komputer sahaja berbanding dengan bilangan pelajar yang hampir mencencah 3000 orang. Dengan yang demikian, ini mendatangkan implikasi yang kurang cemerlang terhadap perkhidmatan Internet yang diberikan oleh fakulti kepada pelajar-pelajar mereka bagi tujuan mengisi masa dan melengkapkan proses pembelajaran para pelajar dengan dapatan dari bahan-bahan yang terkandung di dalam Internet. Selain dari itu, langkah penambahan komputer ini juga merupakan pendorong kepada pelajar untuk mengakses bahan atau mengambil maklumat dan manfaat daripada medium yang canggih

ini. Bagi pihak pelajar pula, sewajarnya menjadikan makmal komputer sebagai tempat pertumbuhan dan perkongsian ilmu pengetahuan yang bersifat global dan pelbagai.

#### **5.3.4 Penyelidikan dan Penilaian**

Dicadangkan bahawa aspek penyelidikan dan penilaian dilakukan bertujuan untuk melihat perkembangan serta memastikan kemudahan yang disediakan adalah mencukupi dan memuaskan. Selain itu, penilaian juga bertujuan untuk melihat pencapaian serta mengenal pasti masalah, kelemahan dan seterusnya membolehkan pihak yang terlibat mengambil tindakan. Penilaian boleh dilakukan dengan menyediakan borang penilaian atau membuat tinjauan soal selidik. Pemerhatian juga boleh dilakukan selain kaedah temubual kepada pengguna dan meminta pandangan dan idea mereka mengenai mutu dan kualiti perkhidmatan yang telah disediakan.

#### **5.3.5 Peningkatan Latihan**

Pelajar perlu berusaha meningkatkan latihan dan kemahiran terhadap proses pengaksesan dan penggunaan Internet. Peningkatan latihan ini termasuklah berusaha mencari inisiatif seperti berbincang dan belajar daripada rakan sebaya, pengajar, menggunakan aspek ‘cuba dan salah’ serta menjalani kelas intensif yang berkaitan dengan bidang ini.

#### **5.3.6 Kemaskini Pengetahuan**

Pengetahuan yang sentiasa meningkat dan berkembang akan melahirkan pemikiran yang berkualiti dan bernas. Sejajar dengan itu, pelajar perlu mengemaskini

tahap pemikiran dan idea mereka ke arah perkembangan semasa serta tidak terpinggir daripada ledakan maklumat dan pengetahuan tanpa sempadan.

### **5.3.7 Meningkatkan Penggunaan Aplikasi Asas**

Pelajar tidak seharusnya hanya menekankan kepada satu aplikasi asas Internet sahaja dan tidak berusaha untuk mengkaji aplikasi yang lain. Contohnya, pelajar lebih menumpukan dan berminat terhadap aplikasi mel elektronik dan Chat. Penggunaan aplikasi-aplikasi asas Internet yang pelbagai mempunyai kelebihan yang tersendiri dan menyumbang kepada maklumat yang global.

## **5.4 KAJIAN LANJUTAN**

Fokus kajian ini adalah untuk meninjau sejauh mana penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Di samping itu, pengkaji juga mengkaji tentang persepsi, corak penggunaan, sumbangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar ketika mengakses dan menggunakan Internet dalam proses pembelajaran.

Berdasarkan dapatan kajian, kajian lanjutan boleh dilakukan dengan mempelbagaikan dan meluaskan skop dan batasan kajian tersebut. Kajian lanjutan yang difikirkan wajar dilakukan adalah seperti berikut:

- Kajian perbandingan penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- Persepsi pensyarah atau tenaga pengajar terhadap keberkesanan sumber maklumat yang terdapat di Internet dengan kecemerlangan akademik pelajar-pelajar.

- Kajian mengenai pengaruh Internet terhadap sahsiah diri pelajar-pelajar di universiti.
- Kajian tentang usaha-usaha galakan penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar universiti.
- Kajian mengenai impak negatif yang disumbangkan oleh Internet kepada pengguna khususnya para pelajar pusat pengajian tinggi.
- Kajian perbandingan di antara pengalaman dan pengetahuan pelajar dengan kadar kepuasan dan kemahiran pencarian maklumat di Internet.
- Kajian tentang sumbangan Internet dalam peningkatan mutu pengajaran di kalangan guru-guru sekolah menengah di seluruh negara.
- Mengkaji tahap perkhidmatan Internet yang ditawarkan oleh sekolah dan hubungannya dengan peningkatan mutu pembelajaran pelajar-pelajar.

Di samping itu, pengkaji juga mencadangkan agar penyelidikan akan datang mengkaji mengenai aspek perkhidmatan Internet di pelbagai fakulti dan membuat perbandingan di antara fakulti atau universiti-universiti. Ini adalah penting untuk memperbaiki perkhidmatan dan penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Selain itu, kaedah penyelidikan juga boleh ditambah seperti menggunakan kaedah temubual agar lebih banyak maklumat dan maklum balas yang boleh diperolehi daripada responden.

## **5.5 KESIMPULAN**

Kecekapan penggunaan Internet adalah amat penting bagi golongan pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi serta individu, organisasi dan profesional maklumat. Cabaran semakin banyak dan telah sampai masanya bagi kita bertindak secara proaktif untuk menuju arus globalisasi yang mempengaruhi teknologi maklumat masa kini. Dalam era maklumat yang tanpa sempadan ini, pelajar-pelajar perlu berlumba-lumba untuk merebut peluang ke arah celik teknologi maklumat dan merasai betapa pentingnya Internet sebagai sebahagian daripada teknologi maklumat dalam merealisasikan Wawasan 2020.

Ringkasnya, diharap kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan dan peningkatan perkhidmatan Internet di fakulti, jabatan dan di universiti dan dapat memberi garis panduan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terhadap pembangunan teknologi maklumat masa kini, di samping menyediakan inisiatif yang memberansangkan mengenai perkhidmatan ini bagi kepentingan pelbagai pihak.

Pelajar-pelajar disarankan mempunyai persepsi yang positif terhadap keberkesanan Internet dalam kehidupan, khususnya bagi tujuan pembelajaran dan peningkatan ilmu pengetahuan. Kesedaran akan kepentingan Internet sebagai satu unit penting di dalam sistem pendidikan semakin meningkat dengan sumbangan dan impak yang diperolehi daripada Internet.

Persepsi yang negatif mengenai Internet merupakan fenomena biasa, namun ia bergantung kepada cara penggunaan, matlamat dan tujuan sesuatu perkara tersebut dilakukan. Tidak dinafikan bahawa Internet juga menyumbang ke arah perkara yang merosakkan dan berunsur negatif, tetapi perkara-perkara tersebut menyumbang kepada faktor yang minimum jika dibandingkan dengan kelebihan dan faedah yang disediakan

olehnya. Amat mustahil sekiranya sebagai pelajar yang matang dan mempunyai kewarasan fikiran, perkara ini mengaburi kepentingan dan keberkesanan medium yang bersifat canggih ini.

Berdasarkan kajian ini, persepsi pelajar API adalah bersifat positif terhadap manfaat yang terkandung di Internet. Mereka mengakui bahawa Internet bukan sahaja berperanan sebagai sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat tetapi pengetahuan yang globalisasi juga merupakan satu komudit yang penting dalam menentukan tahap progres dan daya saing. Internet dilihat sebagai agen penyebaran maklumat dan bahan serta berperanan terhadap proses pencarian maklumat yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar API juga tidak menolak dakwaan yang Internet juga membawa nilai-nilai yang merosakkan fikiran dan negatif.

Rumusannya, pengetahuan pelajar-pelajar API mengenai aplikasi asas Internet masih ditahap yang sederhana dan lebih menumpukan terhadap aplikasi asas yang popular seperti mel elektronik, WWW, chat dan enjin pencarian. Walau bagaimanapun, pengetahuan mereka terhadap aplikasi asas yang lain seperti newsgroup/discussion list berada di tahap yang paling minimum.

Secara amnya, kajian juga mendapati bahawa majoriti pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya boleh mengakses dan menggunakan Internet tetapi masih terdapat 7% yang bermasalah dan tidak tahu untuk mengakses bahan di Internet. Masalah dan halangan utama yang dikenal pasti melalui kajian ini ialah bahan yang terdapat di Internet adalah terlalu banyak dan global. Selain itu, masalah bahasa juga di antara halangan yang dikenal pasti. Secara keseluruhannya, walaupun Internet merupakan medium yang penting bagi tujuan pembelajaran tetapi ia masih belum digunakan secara maksimum oleh pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.